

KAJIAN PERSEPSI MASYARAKAT KE ATAS MEDIA DAN PERPADUAN

DISEDIAKAN OLEH:

PROFESOR MADYA DR. SIVAMURUGAN PANDIAN

PROFESOR MADYA DR. ISMAIL BABA

DR. CHUA SOO YEAN

**PUSAT PENGAJIAN SAINS KEMASYARAKATAN
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

RINGKASAN EKSEKUTIF

KAJIAN PERSEPSI MASYARAKAT KE ATAS MEDIA DAN PERPADUAN

Oleh:

*Profesor Madya Dr. Sivamurugan Pandian
Profesor Madya Dr. Ismail Baba
Dr. Chua Soo Yean
Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan
Universiti Sains Malaysia*

1. PENGENALAN

Malaysia sering dijadikan sebagai negara contoh oleh negara lain kerana berjaya dalam agenda perpaduan dan keharmonian masyarakat pelbagai etnik. Malaysia juga masih dianggap model terbaik kekal harmoni dan pengisian yang membolehkan ia kekal hidup rukun, sejahtera dan pesat membangun dalam kalangan negara dunia ke-tiga. Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia (USM) turut mahu berkongsi semangat perpaduan yang wujud di Malaysia bersama Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) untuk melihat perpaduan dalam konteks media kerana kunci kejayaan mempertahan perpaduan ini dengan pelbagai kejayaan ekonomi, sosial dan politik juga banyak bergantung kepada persekitaran media tanahair.

2. OBJEKTIF KAJIAN

Objektif cadangan penyelidikan ini adalah:

- i. Untuk melihat media dan perpaduan dalam konteks masyarakat pelbagai etnik
- ii. Menilai pengurusan kepelbagaian masyarakat pelbagai etnik dari lingkaran media
- iii. Mengenalpasti faktor pengukuhan perpaduan melalui media ke atas masyarakat pelbagai etnik negara ini
- iv. Mengkaji sama ada media merupakan penghalang kepada pengukuhan nilai kemasyarakatan

3. METODOLOGI KAJIAN

Pengumpulan Data Kuantitatif Melalui Tinjauan Survey

Satu tinjauan kajian dilakukan menggunakan borang soal-selidik tertutup dan terbuka, untuk mendapatkan maklumat yang berkaitan dan relevan untuk kajian ini melalui 182 orang peserta yang hadir di Simposium Media dan Perpaduan anjuran Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional, JPM bersama Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan (KPKK); Malaysia Press Institute (MPI); Islamic Educational Scientific and Cultural Organization (IESCO) dan Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, USM di Hotel Prince, Kuala Lumpur pada 25 Januari 2010.

Penganalisaan Data

Data kuantitatif dikod dan dianalisis menggunakan *Statistical Packages for Sosial Sciences* (SPSS) sejurus selepas simposium Media dan Perpaduan selesai pada 25 Januari 2010.

4. HASIL KAJIAN

a) Profil Responden

- Jurnlah: 182 orang
- 33% Lelaki, 67.0% Perempuan
- 65.7% Melayu, 3.9% Cina, 27.1% India, dan 3.3% Lain-lain
- 62.3% berumur bawah 25 tahun, 9.8% berumur antara 25-30 tahun, 27.9% berumur lebih 30 tahun
- 18.6% agensi kerajaan, 73.2% pelajar IPT dan 8.2% tiada maklumat
- 0.5% dari Sabah dan 99.5% dari Semenanjung

b) Hasil Dapatan Dari Soalan Tertutup Yang Signifikan

Bahagian A - Penilaian

Pernyataan Soalan 1 - 57

- Majoriti besar daripada peserta bersetuju bahawa surat khabar membantu memupuk perpaduan dalam kalangan masyarakat dan televisyen memaparkan elemen yang dapat membantu mencapai perpaduan (Q1&Q2).

- Separuh daripada peserta merasakan bahawa penulisan blog membantu memahami budaya kaum lain dan mengukuhkan perpaduan manakala separuh lagi tidak pasti dan tidak setuju (Q5).
- Majoriti yang besar daripada peserta turut berpendapat bahawa internet membekalkan informasi yang membantu memahami budaya pelbagai kaum di Malaysia (Q7).
- Peserta secara sama rata bersetuju, tidak bersetuju dan tidak pasti dengan pernyataan, bahawa penulisan pelbagai majalah di pasaran Malaysia berfokuskan kepada perpaduan (Q10).
- Majoriti daripada peserta berpendapat bahawa media tradisional di Malaysia sering menunjukkan kepekaan terhadap kualiti sesuatu berita supaya tidak menggugat perpaduan dan segelintir daripada peserta juga berasa tidak pasti dengan pernyataan ini (Q16).
- Separuh daripada peserta bersetuju bahawa media cetak dan elektronik sering mengelakkam berita-berita berbentuk fitnah, tohahan dan rahsia kerajaan yang dapat menghalang perpaduan walau bagaimanapun, separuh lagi daripada peserta tidak pasti atau tidak setuju dengan pernyataan ini (Q18).
- Sebahagian besar daripada peserta merasakan bahawa maklumat negatif atau yang berunsur fitnah di media mempunyai impak yang serius terhadap perpaduan (Q20).
- Majoriti besar daripada peserta merasakan bahawa pengamal media arus perdana menyuarakan pandangan membina dan memberi kefahaman sebenar kepada masyarakat dalam usaha mencapai perpaduan (Q25).
- Majoriti besar daripada peserta menyatakan bahawa media seharusnya bebas dari pemilikan oleh parti politik demi memastikan perpaduan (Q27).
- Separuh daripada peserta berpendapat bahawa surat khabar menyebabkan banyak masalah perkauman kerana menerbitkan isu-isu kontroversi (Q29).
- Majoriti besar peserta merasakan media tidak boleh hanya menyiar pendangan atau hujah sebelah pihak sahaja dalam perkara berkaitan dengan sesuatu kumpulan entik (Q30).
- Sebahagian daripada peserta merasakan bahawa elemen penghinaan dan pengaiban sentimen perkauman menjadi tarikan utama untuk meningkatkan rating sesebuah media (Q34).

- Sebahagian daripada peserta berasa bahawa grafik dan garnbar yang digunakan dalam iklan-iklan kadangkala menyinggung sentimen kaum tertentu manakala sebahagian lagi tidak pasti atau tidak bersetuju (Q35).
- Separuh daripada peserta berpendapat bahawa Blogger menyampaikan maklumat palsu, fakta salah dan fitnah sehingga dapat menggugat perpaduan (Q36)
- Majoriti besar peserta juga merasakan media telah dipolitikkan dan digunakan sebagai alat untuk menyerang sesuatu kumpulan etnik sehingga mencetus ketegangan hubungan antara etnik (Q37).
- Satu pertiga daripada peserta berasaskan bahawa media arus perdana mereka cipta isu dan memutar belit isu itu sehingga menjadi penghalang perpaduan (Q38).
- Majoriti peserta juga berpendapat bahawa media dijadikan medium utama dalam mempengaruhi pemikiran rakyat sehingga membantutkan proses perpaduan (Q39)
- Majoriti besar peserta berpendapat bahawa media digunakan semasa pilihan raya oleh parti politik untuk kepentingan sendiri walaupun ia mengakibatkan masalah perkauman (Q40).
- Majoriti yang besar daripada peserta menyatakan media memainkan peranan yang penting dalam usaha mencapai perpaduan (Q41).
- Majoriti daripada peserta menyatakan televisyen sangat bias terhadap penyiaran sesuatu isu dan ini akan menghalang perpaduan walaupun selebihnya tidak pasti dan tidak bersetuju (Q42).
- Majoriti besar peserta merasakan bahawa pengamal media seharusnya diberi kebebasan dalam mengupas sesuatu isu dengan telus dan mereka seharusnya bertanggungjawab terhadap sebarang laporan yang mampu menggugat perpaduan (Q46&Q47).
- Sebahagian daripada peserta berpendapat bahawa etika dan ketelusan oleh pengamal media adalah lebih penting berbanding perpaduan antara kaum manakala sebahagian lagi tidak pasti dan tidak bersetuju (Q52).
- Majoriti besar daripada peserta merasakan bahawa kawalan kerajaan terhadap media adalah perlu dalam memastikan kestabilan hubungan antara kaum di negara ini (53).
- Majoriti besar peserta juga berpendapat bahawa media alternatif memainkan peranan penting dalam memupuk perpaduan sama seperti media arus perdana (Q55).

c) Hasil Dapatan Dari Soalan Terbuka Yang Signifikan

Bahagian B

Soalan 1:

Apakah cadangan anda supaya media dapat menjadi agenda utama membantu mengukuhkan proses perpaduan dalam masyarakat negara kita?

- Media perlu lebih aktif, terutamanya media elektronik seperti internet kerana pada masa ini pengguna lebih peka terhadap perkembangan melalui internet. Media juga perlu lebih aktif tidak hanya menumpukan program yang dianjurkan oleh pihak kerajaan sahaja, atau tidak berat sebelah.
- Menyiarkan maklumat tentang perpaduan yang lebih tepat dan mudah difahami dengan masyarakat.
- Memperluaskan lagi skop ulasan tentang sebarang '*disagreement issues*' antara masyarakat etnik. Dengan terbukanya minda kita, maka barulah kita akan mengambil serius permasalah perpaduan antara kaum.
- Media perlu bebas dari dimiliki oleh parti parti politik. Media perlu bertanggungjawab kepada masyarakat. Media yang bebas dari dipolitikkan akan memupuk perpaduan. Ini disebabkan politik di Malaysia selalunya dimanipulasikan oleh elemen-elemen anti-perpaduan.
- Wujudkan sistem monitoring yang keatas berita-berita yang ditulis oleh media cetak dan ada evaluasi. Berita media mesti *transparent*/terbuka.
- Memaparkan dan memberitahu cara serta pegamalan perpaduan pada zaman sebelum, ketika serta selepas merdeka. Nampakkan perbezaan perpaduan antara kaum yang terdapat pada tahun-tahun terdahulu dengan keadaan perpaduan antara kaum ketika ini.
- Menceritakan/menjelaskan adat budaya dan perayaan setiap kaum supaya setiap kaum dapat memahami dan menghormati adat budaya dan perayaan setiap kaum di Malaysia.
- Media arus perdana (media cetak dan elektronik) dan media alternatif mesti bekerjasama dalam menjalankan tanggungjawab terhadap menyatupadukan semua lapisan masyarakat di negara ini.

- Wujudkan satu biro media di mana iaanya dirangkumi oleh beberapa agensi seperti kerajaan, NGO dan media untuk 'self-censorship board'. Ianya akan diberi misi utama untuk menjadikan media sebagai satu badan yang bertanggungjawab dan tunjang perpaduan masyarakat.
- Pematuhan kepada kod etika media yang lebih seragam untuk setiap pengamal media dan larangan keras terhadap penulisan/penyebaran berita yang berunsur anti perpaduan.

Soalan 2:

Pada pendapat anda, sejauh manakah media telah menghalang perpaduan dalam kalangan masyarakat negara kita sehingga menyebabkan masalah perkauman atau ketegangan etnik?

- Terlalu mementingkan sesuatu isu, laporan yang terlampau, banyak menyebabkan rakyat berfikiran bahawa mereka perlu bertindak regresif.
- Media kebanyakannya bias dan memihak kepada sebelah pihak sahaja dalam menyampaikan maklumat. Media kebanyakannya bersikap '*chauvinist*'. Apabila hal ini berlaku, penyampaian berita oleh media akan dilihat memihak.
- Media yang sedia ada khasnya media arus perdana tidak menghalang perpaduan tetapi hanya media alternatif sahaja yang menimbulkan masalah perkauman dengan mengapi-apikan sentimen perkauman.
- Terdapat penyampaian berita di media yang tidak menyeluruh serta ada yang terkandung unsur-unsur bias. Berita yang disampaikan hanya berpandu pada sebelah pihak dan bukannya dari kedua-dua belah pihak.
- Kadangkala media dilihat seolah-olah memburukkan sesuatu isu dengan melampau, menimbulkan isu sensitif antara kaum; hanya menumpukan kepada sumbangan atau projek-projek perniagaan yang diperolehi oleh sesuatu kaum hingga menimbulkan perasaan cemburu dalam kalangan kaum yang lain.
- Media arus perdana dilihat sebagai ejen perpaduan yang telah memainkan peranan yang baik bagi mewujudkan keharmonian di kalangan bangsa Malaysia. Akan tetapi media baru banyak memaparkan isu-isu yang sensitif yang menjurus kepada perbalahan kaum.

- Media boleh menyiaran masalah-masalah yang sedang berlaku dan bukannya cara bagaimana masalah melibatkan isu pelbagai kaum boleh diatasi atau apa yang boleh dilakukan setiap insan untuk membantu mengatasi masalah ini.

Soalan 3:

Pada pendapat anda, apakah ciri-ciri penting yang harus dimiliki atau dipegang oleh rakyat untuk menilai media dengan lebih rasional dalam konteks perpaduan?

- Rakyat perlu berfikir terbuka dan bertanggungjawab untuk memastikan perpaduan sentiasa diperkuat kuasakan.
- Bijak menilai sesuatu isu, berfikiran terbuka, tidak anti-perkauman.
- Rakyat perlu melihat isu di media dengan kaca mata yang lebih kritis dan tidak mengikut sentimen-sentimen anti-perpaduan.
- Rasional dalam membuat penilaian tanpa diiringi dengan emosional.
- Faham, hayati dan kemudian memberat penilaian selepas melihat kepada beberapa pandangan yang boleh dipercayai. Dalam ertikata lain, jangan mudah untuk percaya pada khabar angin dan tidak terus membuat keputusan terburu-buru.
- Rakyat seharusnya menilai ketepatan maklumat yang terdapat dalam media dengan mengambil kita pandangan persepsi dan maklumat dari semua pihak tanpa rasa prejudis.
- Analitikal, tidak berfokuskan kepada satu sumber media sahaja; terlibat sendiri, dengan meningkatkan interaksi dengan kaum yang lain untuk membandingkan situasi sebenar dengan laporan media.
- Tidak berkelakuan 'bias' atau mengagungkan kaum seseorang itu lebih mutlak dan murni daripada kaum lain atau lebih dikenali sebagai 'ethnocentrism'.
- Menghayati 5 prinsip Rukun Negara.
- Tidak terlalu emosi dan apa yang dibaca/dilihat/didengari. Berfikir dengan positif dan pertimbangan yang baik apabila membaca/melihat/mendengar apa sahaja dari media. Melihat sesuatu perkara dari pelbagai aspek — bukan satu hala sahaja.

Soalan 4:

Pada pendapat anda, apakah ciri-diri penting yang harus dirniliki atau dipegang oleh rakyat untuk menilai media dengan lebih rasional dalam konteks perpaduan?

- Media perlu telus dan menggambarkan sesuatu isu dan tidak memutarkan belit isu.
- Professional dan objektif.
- Media tidak patut menokok tambah atau memotong cerita yang disampaikan kepada mereka. Media harus bersikap bebas nilai dengan tidak berpihak kepada mana-mana pihak.
- Pengamal media perlu sedar bahawa mereka bertanggungjawab kepada masyarakat, bukan pihak-pihak tertentu yang cenderung memanipulasikan media untuk tujuan-tujuan tertentu.
- Media harus bersifat telus dengan tidak menyebabkan berita/isu yang diutarakan lebih tepat dan tidak hanya menjaga kepentingan mana-mana pihak yang terlibat dalam politik sebaliknya menjaga kepentingan kaum-kaum di Malaysia.
- Kejujuran dalam menyampaikan berita; bersikap adil tanpa memihak pada mana-mana pihak, bersedia untuk menyumbang kepada rakyat tanpa memikirkan keuntungan semata-mata.
- Pengamal media seharusnya tidak bersikap prejudis dan tidak bersikap berat sebelah dengan berpihak kepada mana-mana pihak dan tidak emosional dalam menyampaikan maklumat kepada masyarakat
- Menyalurkan maklumat atau menjadi agen yang tepat dan betul. Beretiak dan telus dalam mengupas sesuatu isu untuk mengelakkan implikasi buruk pada masa hadapan.
- Pengamal media seharusnya menyalurkan informasi yang jelas, padat dan tepat mengenai perpaduan di mana masyarakat seharusnya dapat menilai dan memahami segala informasi yang disampaikan.
- Bertanggungjawab atas penulisan dan penyiaran, menyediakan ruang dan laporan secara perbandingan, mempromosikan kelebihan dan kelemahan jika negara tidak bersatu padu serta mengelak dari mempopularkan isu kaum.

5. CADANGAN KEPADA JPNIN

- JPNIN boleh meningkatkan program berbentuk forum atau rancangan bertemakan perpaduan dan keharmonian dalam kedua-dua media iaitu media arus perdana dan alternatif.
- JPNIN boleh mengenalpasti perkara-perkara yang menjadi penghalang dalam membentuk alternatif perpaduan dan seterusnya mencari penyelesaian untuk mengatasinya. Media boleh digunakan untuk menyalurkan maklumat tersebut.
- JPNIN boleh memantau sesuatu berita atau isu yang dibangkitkan mengenai perpaduan agar tidak diranipulasi hanya untuk melariskan sesebuah kumpulan media sahaja sehingga mengancam perpaduan rakyat.
- JPNIN perlu menjadi 'pengantara' untuk melibatkan semua kumpulan media agar saling bekerjasama dalam memaparkan berita-berita positif mengenai perpaduan.
- JPNIN boleh bekerjasama dengan pelbagai media dengan mewujudkan lebih banyak ruang untuk orang ramai memberi pendapat masing-masing atau mengutarakan pandangan dalam usaha berterusan mengukuhkan lagi perpaduan kaum dengan syarat tidak mengganggu sensitiviti kaum lain.